

MBSA perintis transformasi urusan permit pembinaan

UTUSAN ONLINE | 04 September 2019 2:59 PM



DATUK MOHD. AMIN AHMAD AHYA (tiga dari kanan) menyentuh skrin sambil diperhatikan Datuk Haris Kasim (dua dari kanan) sebagai gimik pelancaran Program Transformasi Urusan Permit Pembinaan Peneraju Utama Negeri di Wisma MBSA di sini semalam. UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

SHAH ALAM 4 Sept. - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) hari ini mengadakan Majlis Pelancaran Transformasi Urusan Permit Pembinaan Peneraju Utama Negeri (State DCP Champion).

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim berkata, program tersebut merupakan inisiatif di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang diperkenalkan oleh Lembaga Pembangunan Industri (CIDB) bagi menghasilkan perubahan dalam industri pembinaan negara.

"CITP mengandungi 20 inisiatif serta 20 jawatankuasa bagi menyelaraskan setiap inisiatif. DCP merupakan salah satu fokus Kumpulan Inisiatif Kerja 4 (IWG 4) yang terkandung dalam CITP.

"Salah satu fokus IWG 4 adalah menyelaraskan inisiatif Urusan Permit Pembinaan (DCP), yang bertujuan mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari aspek pengeluaran permit-permit pembinaan merangkumi OSC 3.0," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran tersebut di sini hari ini.

Majlis pelancaran disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahya.

Haris berkata, program tersebut merupakan gabungan kerjasama agensi kerajaan dan swasta yang melibatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), CIDB dan Malaysia Productivity Corporation (MPC).